

21 AUG 2001

Mahathir-Afrika

NEGARA-NEGARA DIALOG KINI LEBIH BERSATU, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KAMPALA, 21 Ogos (Bernama) -- Negara-negara Afrika kini menunjukkan semangat perpaduan yang lebih besar, dengan perubahan pemikiran setelah menyertai dialog perkongsian pintar yang diilhamkan Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semalam, "Walaupun terdapat perbezaan, mereka faham nilai bertindak bersama dan kini berminat mengambil tindakan secara kolektif di dalam pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

"Mereka merasakan mereka boleh memperolehi bahagian yang lebih besar melalui pendirian bersama dan memahami keperluan saling membantu untuk makmur," katanya.

"Sejak 1995, dialog itu telah mengubah pemikiran para pemimpin bahagian Selatan Afrika, kawasan timur dan malahan bahagian-bahagian barat di negara-negara seperti Ghana," katanya.

Semasa bercakap kepada para wartawan Malaysia pada hari ketiga Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001, beliau berkata: "mereka yang menyertainya kelihatan amat berpadu, tetapi tentunya mereka mempunyai perbezaan masing-masing.

"Jika kita pergi ke WTO berpuak-puak dan berpecah menjadi negara-negara kecil, kita tidak akan mempengaruhi bentuk badan perdagangan itu ataupun di dalam proses globalisasi yang tidak terkawal itu," kata beliau.

Memandangkan bahawa perubahan dalam pemikiran adalah satu perkara yang amat sukar dicapai, katanya: "Ini adalah satu perubahan yang amat baik, saya fikir itu lebih penting daripada sebarang perkara fizikal dan lahiriah yang anda mungkin lihat."

Bagi Malaysia, "kita tidak kerugian apa-apa dengan menghabiskan agak banyak masa dengan negara-negara ini," katanya.

Malaysia mengilhamkan kosep perkongsian pintar pada Dialog Antarabangsa Langkawi pertama pada 1995, kini hampir menjadi seruan yang telah memikat Afrika seperti dilihat dalam empat Dialog Antarabangsa Selatan Afrika yang diadakan setakat ini.

Malahan yang lebih menarik ialah bahawa dialog itu telah berpindah ke Uganda, sebuah negara di Afrika Timur.

Dialog sekarang ini dihadiri lebih daripada 600 perwakilan yang merupakan perhimpunan terbesar bagi dialog perkongsian pintar pernah diadakan di Afrika.

Antara negara yang hadir dengan bilangan besar pada dialog itu Botswana, Afrika Selatan, Mozambique, Zimbabwe, Kenya, Namibia, Tanzania, Lesotho dan Swaziland dan juga malahan negara-negara bukan Komanwel seperti Sudan.

Dr Mahathir berkata negara-negara Afrika kini bercakap mengenai perhubungan pintar antara kerajaan dan sektor swasta serta para pekerja, dan juga menghargai keperluan menarik pelaburan langsung asing (FDI).

"Tetapi anda akan terkejut mengetahui bahawa kebanyakan negara itu (Afrika) tidak mahu mempunyai FDI. Banyak daripadanya bila mencapai kemerdekaan, memilik negarakan pegangan asing dan ini menakutkan para pelabur asing," katanya.

Akibatnya, negara-negara itu bukan sahaja tidak boleh membangun, mereka malahan mundur.

Oleh itu, "terdapat banyak pencapaian" daripada dialog-dialog itu dan pematuan kepada perkongsian pintar dengan tumpuan kepada "memakmurkan jiran anda", katanya.

Kini selepas pertukaran maklumat di kalangan peserta, mereka mengubah sikap dan mereka merasakan mereka perlu menjadi sebahagian daripada ekonomi dunia dengan menerima FDI, katanya.

Mereka menerima keperluan bagi kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta serta memberi kefahaman kepada birokrat-birokrat mereka mengenai keperluan untuk merangsang ekonomi, katanya.

Seperti terbukti dengan kerjasama mereka atas sebab-sebab ekonomi, negara-negara peserta pada Isnin lalu menubuhkan Agensi Insurans Perdagangan Afrika, yang kebetulan dilancarkan Dr Mahathir, untuk mengendalikan pengumpulan sumber-sumber bagi menjamin risiko perniagaan oleh sektor swasta.

Dr Mahathir juga berkata negara Afrika cuba membebaskan diri mereka daripada gelaran negara berhutang, disebabkan itu mereka berminat untuk belajar daripada pengalaman orang lain.

Lebih-lebih lagi "kita tahu bahawa mereka yang memberikan bantuan dan mendesak negara-negara ini melakukan perkara tertentu yang akhirnya akan merugikan mereka," katanya.

Malaysia, di mana yang boleh, akan membantu dari segi latihan dan pengurusan kewangan mereka supaya mereka tidak meminjam sehingga menjadi penghutang selama-selamanya kepada negara-negara kaya dan akan sentiasa terhutang budi kepada peminjam-peminjaam.

Demikian juga, walaupun seruan bagi FDI dilihat sebagai pemberian nafas baru kepada Afrika, beliau berkata Malaysia mempunyai tanggung jawab memberitahu mereka mengenai bahaya pergerakan bebas modal, dengan para pelabur boleh secara tiba-tiba menarik keluar wang mereka.

Ini kerana konsep globalisasi sekarang adalah terbatas kepada pergerakan bebas modal yang tidak begitu baik bagi negara-negara maju, katanya.

Beliau menyebut bagaimana Malaysia kerugian AS\$250 bilion (RM950 bilion) dalam tempoh kurang daripada setahun semasa krisis kewangan 1997 apabila pelabur asing tiba-tiba menarik diri daripada Bursa Saham Kuala Lumpur "yang mengakibatkan pengecutan besar dalam permodalan pasaran kami."

"Sememangnya Malaysia mempunyai pengalaman yang buruk. Jadi sementara kita harus mengalu-alukan modal masuk, kita harus tahu bahawa sekiranya ia (FDI) keluar, kita akan menghadapi masalah," katanya.

Dr Mahathir berkata negara-negara Afrika juga telah meminta pelaburan Malaysia yang lebih besar di negara mereka.

Sambil menegaskan bahawa Petronas amat cergas di rantau ini berasaskan kepada pelaburannya di Sudan, katanya negara-negara Afrika mahu Malaysia menceburi bidang loji kuasanya.

"Bagaimanapun kadangkala pembangkang di beberapa negara mempunyai sikap negatif menyebabkan projek tidak berjalan," katanya.

Pada ketika ini, "kita mahu mengeksport barangan Malaysia ke pasaran bukan tradisi kerana pasaran tradisi tidak menerima masuk barangan kita sekarang," katanya sambil memberi contoh Pusat Perniagaan Malaysia yang baru dibuka sebagai cara menembusi Uganda dan rantau sekitarnya.

Dr Mahathir, yang akan menghadiri hari terakhir dialog itu hari ini, berlepas pulang lewat malam ini.

-- BERNAMA

MR MKO SD RON